

51

NO. SOALAN :31

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI
[SETIAWANGSA]

TARIKH JAWAPAN : 06 NOVEMBER 2017

SOALAN

DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan adakah bekalan air bersih di empangan utama seluruh mencukupi dan negeri manakah dijangka bakal mengalami masalah bekalan air di masa akan datang.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Statistik tahun 2016 menunjukkan bahawa air permukaan (sungai) menyumbang 81% kepada sumber air minum negara, 17% daripada empangan dan 1.4% daripada air tanah. Jelas bahawa sebarang ancaman kepada air sungai dari aspek kualiti akibat pencemaran dan kuantiti akibat kemarau akan menjejaskan keselamatan air minum negara. Oleh itu, langkah mitigasi melalui pembinaan empangan dilaksanakan oleh Kerajaan untuk menakung air mentah untuk dilepaskan ke sungai-sungai bagi menjamin bekalan air mentah mencukupi untuk disalurkan kepada loji rawatan air.
2. Namun begitu, takungan air mentah di empangan juga terkesan oleh fenomena perubahan iklim. Sebagai contoh, pada tahun 2016 beberapa buah empangan telah mengalami penyusutan paras air akibat cuaca kering (fenomena *El-Nino*) yang berpanjangan seperti Empangan Timah Tasoh di Perlis; Empangan Lebam, Congok, Labong dan *Upper Layang* di Johor, Empangan Gemencheh di Negeri Sembilan, Empangan Bukit Merah di Perak dan Empangan Timbangan, Empangan Sepagaya dan Empangan Babagon di Sabah.

53

Tuan Yang Dipertua,

3. Walau bagaimanapun, dengan kehadiran taburan hujan antara 200 mm – 500 mm pada masa ini menyebabkan paras simpanan empangan-empangan ini telah meningkat sehingga mencapai 90%-100%. Malah Jabatan Meteorologi Malaysia meramalkan di mana keadaan cuaca yang lembap akan berlaku di Pantai Timur Semenanjung akan berterusan sehingga bulan Disember. Melihat kepada faktor ini, Kementerian menjangka tidak berlaku masalah kekurangan sumber air mentah yang boleh menjejaskan bekalan air bersih.

4. Namun begitu, Kementerian tidak mengambil ringan akan ancaman fenomena perubahan iklim ke atas paras takungan air di empangan di seluruh negara. Antara langkah-langkah yang dikenalpasti termasuk penerokaan sumber air di hiliran melalui kaedah *off river storage*, kitar semula air kumbahan terawat, pengurangan penggunaan air perkapita dan pengenalan tarif air berdasarkan pendekatan '*polluters pay principle*' bagi mengurangkan pembaziran air.

Sekian, terima kasih

.....